

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN
[TANJONG MALIM]**

TARIKH : 10 JUN 2015 (RABU)

SOALAN : Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk membuka lebih banyak premis yang menyediakan peluang kepada golongan petani, nelayan dan penternak untuk menjual terus produk segar mereka kepada pengguna di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Dalam membantu melaksanakan program pembekalan terus hasil pertanian dan asas tani dari sumber pengeluaran kepada pengguna, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah membangunkan banyak outlet peruncitan sebagai akses langsung menerusi beberapa program di bawah agensi-agensinya iaitu Pasar Tani, Agrobazaar Kedai Rakyat, Gerai Buah-buahan Segar (GBBS), Motosikal Tiga Roda (M3R), Pasar Komuniti dan Karavan (PAKAR), Agrobazaar Rakyat dan juga Pasar Nelayan. Menjelang tahun 2020, Kementerian telah mensasarkan untuk membangunkan 1,000 buah Pasar Tani, Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR) dan Gerai Buah-buahan Segar (GBBS) setiap satu serta 65 Buah

Pasar Tani Kekal dan Pasar Tani Borong baru di seluruh negara. Pelaksanaan program ini dapat memperkuat rantai bekalan (Supply Chain Management) serta menambah ruang pasaran (outlet) jualan langsung komoditi pertanian dan hasil tani terus kepada pengguna.

Sehingga April 2015 sebanyak 585 buah Pasar Tani, 520 Gerai Bauh-buahan Segar (GBBS) dan 376 Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR), 49 Pasar Nelayan telah dibangunkan di seluruh negara. Purata nilai jualan yang dijana daripada projek-projek peruncitan ini adalah menjangkau ke angka RM1.3 billion setahun. Kesemua projek peruncitan yang dibangunkan ini adalah sejajar dengan dasar Kementerian untuk mengurangkan lapisan orang tengah dan menggalakkan penyaluran terus hasilan dari sumber pengeluaran kepada pengguna.

Selain itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga telah mengeluarkan arahan agar semua usahawan Pasar Tani mendapatkan bekalan terus dari ladang dan tidak lagi mendapatkan bekalan dari pasar borong bagi komoditi terpilih mulai bulan Jun 2015 secara berperingkat.

Dengan pelaksanaan program ini, dalam tempoh jangka panjang bekalan terus hasil-hasil pertanian dari ladang dapat ditingkatkan dan secara tidak langsung memberi pulangan yang lebih baik kepada petani, penternak dan nelayan manakala pengguna ditawarkan dengan harga yang lebih berpatutan. Program ini juga mampu memberi impak dalam mensejahtera rakyat dan menangani "Kenaikan Kos Sara Hidup".